

No. Rujukan: UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 4 (21)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 4 TAHUN 2022**

Pejabat Pendaftar
Tarikh: **10 Februari 2022**

Disalinkan kepada:

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Penolong Naib Canselor (Kepimpinan dan Pembangunan)
- Ketua-Ketua PTj

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/PEND/01-104 JILID 4 (21)

10 FEBRUARI 2022

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 4 TAHUN 2022

SKIM PRIHATIN UNIMAS

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf berhubung pelaksanaan Skim Prihatin UNIMAS (SPU). Kemudahan ini juga telah diumumkan semasa Amanat Naib Canselor 2022.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 04/2021 Ke-100 bertarikh 15 Oktober 2021 telah bersetuju meluluskan pelaksanaan pengecualian yuran pengajian bagi anak staf UNIMAS yang memohon dan berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat program Ijazah Pertama di UNIMAS. Kemudahan ini digelar sebagai Skim Prihatin UNIMAS (SPU) dan mula dilaksanakan pada sesi kemasukan pelajar baharu Semester 1 Sesi 2021/2022.

Pelaksanaan SPU ini bertepatan dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-30 UNIMAS dan merupakan penghargaan Universiti kepada staf. Pengurusan Universiti turut berharap agar kemudahan ini dapat menjadi pemangkin bagi semua staf agar sentiasa memberikan perkhidmatan dan komitmen yang tinggi untuk kecemerlangan UNIMAS. Universiti sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan staf dan secara berterusan menambah baik kemudahan yang ada.

Permohonan boleh mula dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan. Kemudahan SPU ini dilaksanakan **berkuat kuasa mulai Semester 1 Sesi 2021/2022**.

Sekian, terima kasih.

“CROSSING FRONTIERS 1992 - 2022”

Yang benar,



Haji Azlan bin Ramli
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak

SKIM PRIHATIN UNIMAS

Kemudahan Skim Prihatin UNIMAS (SPU) layak diberikan berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- a. Anak yang tersenarai dan layak melalui sistem pemilihan dan tapisan rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sahaja akan dipertimbangkan;
- b. Hanya anak yang pertama berjaya diterima masuk ke UNIMAS layak diberi pelepasan penuh yuran pengajian sepanjang tempoh pengajian di UNIMAS. Anak yang pertama tidak semestinya anak sulung dalam keluarga tersebut;
- c. Pemohonan untuk anak yang seterusnya akan diberikan pengecualian yuran pengajian sebanyak 50%;
- d. Pengecualian yuran adalah bagi pengajian di peringkat Ijazah Pertama sahaja;
- e. Pengecualian melibatkan Yuran Pengajian sahaja dan tidak termasuk Yuran Kolej Kediaman;
- f. Hanya Yuran Pengajian untuk tempoh pengajian program sahaja akan diberi pengecualian. Pengecualian ini tidak termasuk bagi yang mengulang pengajian (melibatkan pertambahan semester dari tempoh pengajian yang sepatutnya) yang mana yuran pengajian untuk semester tambahan berkenaan adalah atas biayaan sendiri;
- g. Kelulusan adalah tertakluk kepada anak tersebut tidak menerima sebarang penajaan penuh dari mana-mana institusi, agensi, jabatan dan sebagainya;
- h. Anak staf (Pelajar UNIMAS) yang berjaya diberi pengecualian dikehendaki bergiat aktif dalam setiap aktiviti peringkat Universiti, Fakulti dan Kolej Kediaman masing-masing;
- i. Anak staf yang mendapat keistimewaan ini mestilah anak kepada staf warganegara lantikan tetap dan tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib selama bertugas di UNIMAS; dan
- j. Bagi tujuan pengesahan, butiran anak staf yang memohon hendaklah merupakan anak di bawah tanggungan yang berumur di bawah 21 tahun (kecuali anak yang tergolong dalam kumpulan OKU), belum berkahwin, dan berdaftar dalam sistem sumber manusia (eHCM) dan HRMIS.